

08/05/1997

TUDM mahu beli Rooivalk

CAPE TOWN, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin membeli helikopter penyerang Rooivalk dari Afrika Selatan dan menyertai pembinaannya.

Menurut Perdana Menteri, Tentera Udara Diraja Malaysia sudah membuat penilaian terhadap pesawat itu.

"Ada kemungkinan kita akan membeli helikopter Rooivalk," katanya kepada pemberita selepas menerima anugerah tertinggi Afrika Selatan, Order of Good Hope (Class 1): Grand Cross (Gold) daripada Presiden Nelson Mandela, di sini hari ini.

Bulan lalu, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dilaporkan berkata, Malaysia bersetuju membeli lapan helikopter jenis itu.

Syed Hamid berkata, pada masa yang sama Malaysia sedang menilai cadangan penjualan helikopter jenis lain oleh beberapa negara.

(END)